

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 24 JULAI 2017, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 21

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1352-L02174
Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah impak sistem pengangkutan MRT yang dapat dibangunkan tanpa melibatkan sebarang perjanjian konsesi serta kejayaan menyiapkan projek tersebut dengan kos yang lebih rendah berbanding sasaran awal serta masih mengikut jadual .

2. PR-1352-L02752
Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status semasa tindakan susulan kegagalan Program E-Kad Pekerja Asing; dan memberikan maklumat terperinci syarikat manakah yang akan membawa masuk 1.5 juta pekerja Bangladesh ke dalam negara serta maklumat pengarah syarikat, pemegang saham dan individu yang terlibat dalam kemasukan pekerja Bangladesh tersebut.

3. PR-1352-L01640
Datuk Seri Haji Ahmad Bin Hamzah [Jasin] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
 - (a) impak berganda nilai ringgit yang mengukuh ; dan
 - (b) impak berganda harga minyak mentah yang menurun ke atas ekonomi modal dan ekonomi rakyat

4. PR-1352-L02656
Tuan Ramkarpal Singh A/I Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah kes-kes buli (bullying) yang direkodkan di sekolah-sekolah dari tahun 2000 hingga sekarang dan sama ada kes-kes tersebut telah pun mengakibatkan kematian ataupun kecederaan yang serius.
5. PR-1352-L02675
Dato' Sri Hasan Arifin [Rompin] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berapakah jumlah bantuan yang telah diberi oleh Kerajaan kepada PROTON sejak ia ditubuhkan dan adakah Kerajaan yakin rakan kongsi PROTON yang baru ini dapat membawa PROTON ke satu tahap yang lebih maju dan menaikkan nama negara.
6. PR-1352-L02563
Dr. Izani Bin Husin [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah dasar liberalisasi tarif insurans motor yang baru berkuat kuasa itu dapat melindungi hak pengguna sedangkan harga premium kini ditentukan oleh penanggung insurans secara bebas tanpa terikat lagi kepada tarif yang ditentukan oleh Bank Negara.
7. PR-1352-L01539
Dato' Dr. Haji Noor Azmi Bin Ghazali [Bagan Serai] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bagaimanakah Kementerian akan memastikan universiti awam di Malaysia akan terus melonjak tersenarai sebagai 5 dari 10 universiti terbaik ASEAN yang tentunya menjadikan Malaysia sebagai "hub pendidikan tinggi" di rantau ini berdasarkan QS World Universiti Ranking. Apakah strategi seterusnya bagi memastikan lebih ramai pelajar antarabangsa untuk memilih Malaysia sebagai pendidikan pilihan.
8. PR-1352-L02280
Dr. Mohd Hatta Bin Md. Ramli [Kuala Krai] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menaiktarafkan jalan keretapi ke Pantai Timur menjadi rel berkembar (double track). Jika ya, bila ia akan bermula.

9. PR-1352-L02718
Datuk Haji Shabudin Bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status terkini projek jalan raya yang menggunakan getah beku bagi teknologi penurapan jalan raya melalui kaedah Asfalt Terubahsuai Getah Bekuan (CMA) serta sejauh manakah keberkesanan teknologi ini dalam mengatasi masalah jalan yang berlekuk disebabkan kenderaan berat.
10. PR-1352-L02021
Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian ke atas majikan yang enggan melaksanakan dasar gaji minima, dan adakah Kementerian akan mengikut langkah negara berpendapatan tinggi di Asia yang menyelaraskan gaji minima berpandukan kos sara hidup semasa.
11. PR-1352-L01680
Dato' Sri Ikmal Hisham Bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah usaha bagi membanteras skim pelaburan palsu yang telah mengakibatkan ribuan rakyat negara ini mengalami kerugian dan sejauh manakah ia mempunyai kaitan dengan sumbangan untuk dana politik parti-parti tertentu.
12. PR-1352-L02426
Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan laporan kehilangan peralatan radar ketenteraan berteknologi tinggi yang dibawa dari Australia ke Belanda melalui Pelabuhan Tanjung Pelepas:-
- (a) adakah ia mengikut prosedur operasi piawai (SOP) yang ditetapkan oleh MITI sebelum dibenarkan dihantar ke Belanda; dan
 - (b) hasil siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap kes ini
13. PR-1352-L02472
Datin Mastura Binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah dengan penambahan pemasangan Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES) telah berjaya mengurangkan kemalangan dan kesalahan lalu lintas terutama pada ops raya yang lalu. Dan apakah peratusan kejayaannya.

14. PR-1352-L02109
Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapa insurans kesihatan swasta tidak merangkumi rawatan kesihatan mental dan mengapa syarikat insurans dibenarkan untuk menafikan insurans kesihatan kepada individu yang pernah menghadapi isu kesihatan mental.
15. PR-1352-L01693
Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) jumlah kakitangan awam yang bertaraf sementara (jabatan Kerajaan dan agensi) yang telah diberhentikan kerja dan adakah mereka ini akan ditawarkan kerja semula sekiranya ekonomi negara sudah pulih kelak ; dan
 - (b) apakah reaksi rakyat terhadap langkah kerajaan mengurangkan kakitangan kerajaan ini
16. PR-1352-L02205
Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai Syarikat-syarikat Money Game atau skim cepat kaya yang disiasat oleh Bank Negara Malaysia dalam tahun 2017. Berapakah jumlah duit yang dibekukan dan bilakah duit yang dibekukan akan dikembalikan kepada mangsa pelabur.
17. PR-1352-L01623
Dato' Sri Hasan Bin Malek [Kuala Pilah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pelan tindakan atau terdapatkah perancangan Kerajaan untuk mengeluarkan 5000 rakyat Malaysia yang berada di Qatar sekiranya krisis diplomatik di Teluk menjadi lebih teruk.
18. PR-1352-L02595
Ust. Dato' Dr. Mohd Khairuddin Bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan kesan pelaksanaan cukai pelancongan kepada industri pelancongan dan para pelancong.
19. PR-1352-L01541
Dato' Dr. Noraini Binti Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengenai insiden kontena yang mengandungi peralatan radar tentera berteknologi tinggi yang didakwa hilang di Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) baru-baru ini dan apakah langkah yang diambil pihak Kementerian bagi memastikan perkara seperti ini tidak berulang.

20. PR-1352-L02625

Puan Kasthuriraani A/p Patto [Batu Kawan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci pengundi yang belum berdaftar mengikut pecahan umur, kaum etnik dan negeri setakat Jun 2017, jumlah bantahan terhadap pengundi baru di seluruh negara dan adakah pemegang kad pengenalan sementara diberi kebenaran untuk mengundi dalam pilihan raya di negara ini.

21. PR-1352-L02702

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibü] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan bilangan KR1M di seluruh Malaysia, senaraikan mengikut negeri. Nyatakan jumlah peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan dalam projek ini dan senaraikan mengikut tahun. Selain Mydin, nyatakan syarikat lain yang terlibat dalam projek ini dan adakah Kerajaan masih terus memberi subsidi kepada KR1M yang mengalami kerugian.

22. PR-1352-L02202

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilakah kerajaan akan membina balai bomba baru di kawasan Parlimen Bakri dan senaraikan peralatan dan kelengkapan yang sedia ada di Daerah Muar serta bilakah akan menaik taraf Balai Bomba Daerah Muar.

23. PR-1352-L01892

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah satu-satunya Pelan Induk (Master Plan) bagi membasmi ancaman pekerja-pekerja pendatang asing tanpa izin setelah berulang kali operasi pemutihan gagal mencapai matlamat menyelesaikan pembanjiran PATI semenjak 2004 dan setelah Sistem E-Card yang kini sedang berkuat kuasa buat masa kini turut dilanda pemalsuan.

24. PR-1352-L02251

Dato' Hajah Normala Binti Abdul Samad [Pasir Gudang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk menetapkan had masa laluan bagi kenderaan berat di Lebuhraya Pasir Gudang bagi mengurangkan kesesakan yang sering kali berlaku di lebuhraya tersebut.

25. PR-1352-L01828

Dato' Haji Abdul Rahman Bin Mohamad [Lipis] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah pembinaan jalan berasaskan getah beku (cup lump) bagi teknologi penurapan jalan raya di Malaysia secara lebih meluas.

26. PR-1352-L02294
Tuan Mohd Rafizi Bin Ramli [Pandan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci jumlah dana yang telah dibelanjakan Prasarana Berhad dan perolehan "revenue" dari semua projek pengangkutan (termasuk Metro Makkah) yang ia terlibat di Arab Saudi dari tahun 2014 hingga Jun 2017.
27. PR-1352-L01881
Dato' Haji Mohd Zaim Bin Abu Hasan [Parit] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memperkenalkan kerangka perundangan bagi menjadikan perbuatan menghina atau memalsukan maklumat sebagai satu kesalahan jenayah.
28. PR-1352-L01761
Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan saiz dan nilai tanah TRX yang dibeli oleh entiti-entiti di bawah Kementerian kewangan (MOF) termasuk kos pembelian. Nyatakan juga status terkini serta pelan terperinci projek Tun Razak Exchange - TRX. Siapakah pemaju utama projek dan berapakah kos yang dibelanjakan sehingga kini.
29. PR-1352-L02297
Tuan Mohd Rafizi Bin Ramli [Pandan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan semua syarikat, koperasi atau apa-apa badan yang telah diberi permit teksi berserta maklumat berikut (bagi setiap badan): jumlah permit yang diberikan dan tahun permit mula-mula diberikan.
30. PR-1352-L02409
Dato' Ir. Nawawi Bin Ahmad [Langkawi] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan perancangan Kementerian bagi menangani masalah bekalan air bersih terawat di Langkawi, kerana mengikut kajian, pulau ini akan mengalami masalah bekalan air bersih pada tahun hadapan (2018) sekiranya tiada sebarang saluran paip air dari tanah besar dibina atau tiada empangan baru dibina di pulau ini.
31. PR-1352-L02295
Tuan Mohd Rafizi Bin Ramli [Pandan] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan semua tanah milik MARA di Kedah yang telah dijual/ditukar hakmilik diantara 2010 hingga 2017, beserta nama pemilik baru dan harga yang dibayar oleh pembeli bagi tanah-tanah MARA itu.

32. PR-1352-L01748
Dr. Ismail Bin Daut [Merbok] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi memastikan harga ikan dan sayuran adalah berpatutan apabila tibanya musim tengkujuh ataupun musim perayaan di negara ini.
33. PR-1352-L01925
Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada satu poliklinik baru akan dibina di Sibu seperti mana yang diumumkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak dan nyatakan jumlah peruntukan yang telah dan akan diluluskan serta bila ia akan dibina.
34. PR-1352-L02462
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai wakil rakyat dan bekas wakil rakyat yang telah diambil tindakan termasuk pendakwaan ke mahkamah oleh SPRM sejak tahun 2016. Apakah Kabinet akan minta SPRM membatalkan keputusannya untuk ambil tindakan terhadap ahli politik selepas PRU-14 demi membuktikan kabinet serius untuk melawan rasuah dan penyelewengan kuasa.
35. PR-1352-L02179
Tuan Haji Hasbi Bin Haji Habibollah [Limbang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) apakah status perpindahan Klinik Nanga Medamit dari seberang sungai ke Pekan Nanga Medamit; dan
 - (b) bilakah Kerajaan akan membina hospital Pakar Minor di Limbang
36. PR-1352-L02682
Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan Malaysia telah bersetuju untuk menjamin dan menanggung pinjaman bon 1MDB sebanyak US\$3.5 bilion yang sebelum ini dijamin oleh syarikat IPIC, walaupun menurut 1MDB, sebanyak US\$3.51 bilion telah dibayar kepada IPIC atau anak syarikatnya sebelum ini.
37. PR-1352-L01660
Datuk Hajah Norah Binti Abd. Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sama ada Kementerian dapat memberi peruntukan membangun sistem sanitasi untuk rumah-rumah kampung di luar bandar yang tidak mempunyai sistem tersebut khususnya di kawasan pedalaman Sarawak.

38. PR-1352-L02463
Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre Bin Mohd Akin [Bukit Katil] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah Kerajaan telah melaksanakan cadangan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Berhubung Penambahbaikan Proses Pilihan Raya 2011 dan apakah tindakan Kerajaan terhadap cadangan berkenaan Kerajaan sementara, pengundian awal dan pengundi luar kawasan (termasuk pengundi Sabah dan Sarawak yang berada di Semenanjung).
39. PR-1352-L01611
Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [Hulu Rajang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik sekolah rendah di kawasan Hulu Rajang yang telah dinaiktaraf pada tahun 2017.
40. PR-1352-L02193
Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kos, butiran perjalanan dan hasil lawatan penaung program PERMATA Datin Seri Rosmah Mansor ke London pada 4 hingga 10 Mei 2017 dengan diiringi oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Azalina Othman Said.
41. PR-1352-L01954
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah bon Kerajaan yang dibeli oleh orang asing.
42. PR-1352-L01559
Datuk William @ Nyallau Anak Badak [Lubok Antu] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bilakah bekalan air bandar dapat dilaksanakan ke kawasan berikut iaitu dari Batu Kaya ke kawasan Ensawang, Wong Pandak dan Wong Panjai, dari Changkul ke kawasan Rasau, Ng. Kumpang, Danau dan Kandis, dan Kawasan dari Stuga ke hilir Batang Ai, Engkilili, di kawasan hilir Sg. Skrang, dari Lipat ke Tabut dan sekitarnya. .
43. PR-1352-L02050
Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-
(a) bilakah semua jenis aliran sekolah akan menerima peruntukan penyelenggaraan yang dijanjikan oleh Perdana Menteri ketika pembentangan Bajet 2017; dan

- (b) apakah tindakan yang akan dan telah diambil oleh Kementerian untuk memastikan kelewatan pemberian peruntukan penyelenggaraan yang berlaku pada tahun 2016 tidak akan berulang lagi

44. PR-1352-L02194

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tugas, skop kerja, tanggungjawab dan bidang kuasa serta peranannya di persada antarabangsa untuk Y.B. Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein sebagai Menteri Tugas-Tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri.

45. PR-1352-L02670

Dato' Sri Douglas Uggah Embas [Betong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk menambah khidmat perubatan pakar di negeri Sarawak di hospital-hospital daerah.

46. PR-1352-L01854

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) kesemua kompaun Bank Negara yang telah dikenakan berkaitan dengan kes 1MDB; dan
- (b) sama ada terdapat individu, perbadanan, atau syarikat, termasuk 1MDB, yang telah membayar kompaun tersebut kepada Bank Negara

47. PR-1352-L02145

Dato' Hasbullah Bin Osman [Gerik] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN** menyatakan sejauh manakah keberkesanan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan yang dijalankan pada setiap kali pada musim perayaan di dalam membantu menangani kos sara hidup dan 'standard of living' negara ini.

48. PR-1352-L01464

Datuk Abd Rahim Bin Bakri [Kudat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah Kerajaan bercadang untuk membina asrama untuk pelajar SMK Pinggan-Pinggan, Pitas. Pelajar luar bandar yang tinggal dari tempat jauh terpaksa menumpang atau menyewa rumah orang dan ini menimbulkan pelbagai masalah dan bebanan kepada ibu bapa miskin luar bandar.

49. PR-1352-L02131

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan untuk menyelesaikan keraguan yang ada berkenaan dengan masyarakat warga Sabah yang bukan beragama Islam tetapi telah diklasifikasikan sebagai penganut agama Islam sebab adanya 'Bin' atau 'Binti' dalam nama mereka.

50. PR-1352-L02117

Dr. Mansor Bin Abdul Rahman [Sik] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang diambil untuk mengurangkan kemalangan bas ekspres yang semakin meningkat, dan adakah punca kemalangan ini disebabkan oleh pemandu yang leka dan tidak cukup tidur kerana membuat trip yang banyak untuk meningkatkan pendapatan.

51. PR-1352-L02434

Ir. Shaharuddin Bin Ismail [Kangar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan peranan agensi FAMA dalam memasarkan buah mempelam harum manis semasa lambakan buah pada bulan Ramadhan yang lalu.

52. PR-1352-L02642

Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) jumlah wang yang dilaburkan oleh Felda dalam Felda Global Ventures (FGV) dan Felda Investment Corporation (FIC); dan
- (b) nilai semasa pelaburan ini dan jumlah keuntungan atau kerugian dan adakah Kerajaan bercadang untuk menjadikan FGV syarikat persendirian dan apakah kos yang terlibat untuk berbuat demikian

53. PR-1352-L01505

Datuk Jumat Bin Idris [Sepanggar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) berapa statistik kes buli di negeri Sabah pada tahun 2016 dan 2017 dan apakah perancangan Kerajaan bagi mengatasi budaya buli ini; dan
- (b) bagi mangsa kes-kes buli pula, apakah mekanisme Kerajaan bagi memulihkan emosi dan juga fizikal pelajar-pelajar yang terlibat

54. PR-1352-L02639

Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) bilangan pekerja asing yang sah dan tidak sah di Malaysia; dan
- (b) jumlah wang yang dikutip oleh Kerajaan untuk memproses permit pekerja asing setiap tahun selama 10 tahun yang lalu, dan jumlah kerugian wang disebabkan pekerja asing yang tidak memohon permit

55. PR-1352-L01688

Dato' Dr. Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan perkembangan eksport industri halal negara ketika ini serta cabaran dihadapi dan apakah cabang baru yang berpotensi besar dalam penggalakan industri halal di dalam negara.

56. PR-1352-L01413

Dato' Wira Othman Bin Abdul [Pendang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah rakyat Malaysia yang berdaftar dengan E-Kasih mengikut negeri sejak tahun 2013 hingga 2016.

57. PR-1352-L02039

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) memberikan perkembangan terkini, mengenai menghapuskan hukuman mati dan moratorium bagi hukuman mati; dan
- (b) berapakah jumlah banduan yang masih menunggu pelaksanaan hukuman mati di penjara dan moratorium bagi hukuman mati

58. PR-1352-L02010

Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan keberkesanan Jihad Memerangi Dadah dan masyarakat semakin bimbang berikutan peningkatan tangkapan penagih dadah seramai 30,844 orang pada 2016 berbanding 26,000 pada 2015 dan berapa pula pada tujuh bulan pertama mengikut negeri pada 2017.

59. PR-1352-L01939
Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam Bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengenai kepentingan kewujudan pangkalan data DNA bagi mengatasi masalah kesulitan siasatan kes jenayah dan identifikasi mangsa bencana serta kebaikan yang diperoleh menerusi cadangan mewujudkannya.
60. PR-1352-L01554
Puan Zuraida Binti Kamaruddin [Ampang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan setakat ini usaha pihak kementerian untuk memenuhi keperluan pendidikan anak-anak autisme yang semakin meningkat di negara ini.
61. PR-1352-L02508
Puan Rubiah Binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan kadar pengangguran terkini negara dan perbandingan dengan negara ASEAN lain dan sejauh mana pelan penstrukturan sukatan pelajaran di Institusi Pengajian Awam dan Swasta diperhalusi bagi memastikan jumlah graduan yang tidak berjaya mendapat pekerjaan dalam tempoh setahun selepas graduasi dikurangkan.
62. PR-1352-L01518
Dato' Mansor Bin Othman [Nibong Tebal] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan statistik terkini jumlah kes penyelewengan barang kawalan bersubsidi seperti minyak masak, gula dan tong gas petroleum cecair (LPG) ke luar negara dan negara-negara yang menerima barangan seludup serta keberkesanan usaha mengekang aktiviti tersebut.
63. PR-1352-L01720
Dato' Ahmad Fauzi Bin Zahari [Setiawangsa] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mekanisme yang digunapakai Kerajaan dalam memantau pengawal keselamatan yang terdiri daripada pendatang asing yang tidak mempunyai dokumen yang sah serta tindakan kerajaan bagi memastikan pengawal keselamatan yang dilantik memenuhi kriteria dan syarat yang ditetapkan oleh pihak keselamatan negara.
64. PR-1352-L02084
Dato' Takiyuddin Bin Hassan [Kota Bharu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah proaktif yang dirangka oleh Kerajaan untuk menangani dan membendung gejala buli di sekolah yang semakin berleluasa sekarang.

65. PR-1352-L02420

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan mempunyai cadangan untuk mempertimbangkan pengeluaran kad pengenalan berasingan bagi warganegara Malaysia di Sabah agar mudah untuk membezakan mereka daripada pendatang tanpa izin.

66. PR-1352-L01890

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kenapa Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (Mavcom) tidak mengambil tindakan keras terhadap Malaysia Airlines yang telah gagal mencatatkan pencapaian Enrich Points mengikut jadual Program Kesetiaan Penumpang yang termaktub bagi semua penerbangan "code-sharing" Malaysia Airlines yang ditunaikan menerusi anak syarikatnya, Firefly. Bukankah piawaian antarabangsa menuntut sebarang pencabulan kontrak perkhidmatan antara penumpang dan syarikat penerbangan ini dikenakan penalti.

67. PR-1352-L01492

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff Bin Ahmad [Mersing] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sejauh manakah keberkesanan perkembangan industri automotif di antara Proton Holdings Bhd dan Zhejiang Geely Holding Group Co dari China dan adakah penggabungan antara dua syarikat besar ini memberi jangkaan pembukaan pasaran yang lebih luas untuk masa hadapan.

68. PR-1352-L01645

Datuk Seri Haji Ahmad Bin Hamzah [Jasin] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan hakikat sebenar impak pelaburan republik rakyat China/Beijing ke atas negara-negara seperti Zimbabwe, Tanzania, Sri Lanka dan Indonesia yang dilaporkan umpama economic imperialisme oder baru yang kononnya telah memusnahkan negara-negara berkenaan dan bagaimanakah pula Malaysia boleh mengelakkan malapetaka yang sama berlaku ke atas negara kita.

69. PR-1352-L01578

Dato' Kamarudin Bin Jaffar [Tumpat] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan setakat manakah perkembangan Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dan bilakah projek ini dijangka siap.

70. PR-1352-L01797
Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menangani laluan pelancongan ke kawasan Kukup yang masih gelap khususnya di laluan Pekan Nanas-Belokok-Telok Kerang agar pelancong merasa lebih selamat dan selesa apabila melalui laluan tersebut pada waktu malam.
71. PR-1352-L01899
Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha Kerajaan menggalakkan kenderaan-kenderaan pengangkutan awam menggunakan 'solar panel' sebagai sumber tenaga yang mesra alam sekitar memandangkan sudah ada pengusaha tempatan yang berkebolehan mengeluarkan bas-bas yang memakai 'solar panel'.
72. PR-1352-L02387
Datuk Mohd Idris Bin Jusi [Batu Pahat] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan pendekatan kreatif dan di luar kebiasaan menarik pelancong datang ke Malaysia dan sekali gus mendapatkan pulangan ekonomi dengan tidak menggunakan langkah menakutkan mereka dengan mengenakan cukai pelancongan.
73. PR-1352-L02090
Datuk Zahidi Bin Zainul Abidin [Padang Besar] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah penjelasan pihak Kementerian tentang penyelenggaraan pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dari berlakunya kemalangan pesawat seperti kemalangan yang terjadi kepada pesawat Hawk 108 baru ini.
74. PR-1352-L01638
Dr. Che Rosli Bin Che Mat [Hulu Langat] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan rasional cukai pelancongan dilaksanakan dan sejauh mana ianya memberikan manfaat kepada rakyat Malaysia.
75. PR-1352-L01897
Tuan Anuar Bin Abd Manap [Sekijang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pihak Kerajaan bersetuju dan bersedia untuk menubuhkan pasukan governance quantum leap bagi memperbaiki tadbir urus dan kawalan perniagaan di peringkat kumpulan dan subsidiari Felda Global Ventures Holdings Bhd (FGV) seperti yang telah dicadangkan dari hasil laporan bebas berkenaan kemelut syarikat tersebut.

76. PR-1352-L02225
Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali [Gombak] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah garis panduan dan peraturan yang boleh digunakan oleh Lembaga Pelabuhan Klang bagi memastikan sisa buangan kapal dan sisa buangan sampah domestik kapal tidak menjadi punca pencemaran..
77. PR-1352-L02511
Tuan Haji Ahmad Lai Bin Bujang [Sibuti] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk mengawal perairan Laut China Selatan di Sarawak dari pencerobohan nelayan asing dan berapa banyak tangkapan bot nelayan asing sejak Januari 2017 hingga sekarang bagi negeri Sarawak sahaja.
78. PR-1352-L02005
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sebab-sebab untuk membenarkan tentera laut China mendarat dan mengisi minyak di Pengkalan TLDM Teluk Sepanggar dan sama ada Kerajaan akan membenarkan tentera China menggunakan Sabah atau mana-mana tempat di Malaysia sebagai pangkalan tentera.
79. PR-1352-L02130
Dato' Sri Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tentang sejauh manakah perancangan pihak Kementerian dalam menyediakan sekolah-sekolah yang lebih memberi fokus dalam bidang kreatif dan teknologi selain dari sekolah-sekolah vokasional yang sedia ada dalam memastikan Malaysia mampu melahirkan lebih ramai tenaga kerja berkemahiran tinggi dan berdaya saing dalam bidang ini.
80. PR-1352-L02650
Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang mewujudkan pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan di setiap Daerah di negeri Terengganu selain daripada daerah Kuala Terengganu dan Kemaman khususnya di daerah Dungun.
81. PR-1352-L01455
Datuk Sapawi Bin Ahmad Wasali [Sipitang] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah drastik yang telah dilaksanakan untuk menangani kes-kes buli di IPTA yang semakin kerap berlaku kebelakangan ini, dan apakah benar lambakan filem dan drama mengandungi adegan ganas, antara punca yang menjadi penyebab ia berlaku.

82. PR-1352-L01845
Tuan Che Mohamad Zulkifly Bin Jusoh [Setiu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesan konflik Qatar dan negara-negara Teluk Arab terhadap ekonomi Malaysia serta pendirian Malaysia berhubung krisis tersebut apabila Qatar didakwa menyokong kumpulan pengganas.
83. PR-1352-L01485
Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan mengapa Kerajaan Malaysia masih belum melaksanakan polisi mewajibkan semua bangunan milikan Kerajaan dipasang panel solar di sekurang-kurangnya 50% keluasan permukaan bumbung mereka.
84. PR-1352-L01742
Dato' Haji Ahmad Nazlan Bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan pencapaian semasa Malaysia di dalam pengurangan intensiti pelepasan gas rumah hijau (GHG) seperti yang telah diperakui semasa sidang Kemuncak Perubahan Iklim Copenhagen 2009 di mana Kerajaan Malaysia telah komited dengan pengurangan sehingga 40 peratus daripada keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang 2020.
85. PR-1352-L02569
Tuan Haji Nasrudin Bin Hassan [Temerloh] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan tahap "jaminan makanan" atau "food security" di negara ini.
86. PR-1352-L02671
Dato' Sri Hasan Arifin [Rompin] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan rangka tindakan ekonomi digital negara. Adakah perlu pengubalan dasar baru ekonomi dalam zaman digital.
87. PR-1352-L02585
Tuan Idris Bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sehingga kini berapakah bilangan pelajar yang mengikuti Program Pendidikan PERMATA Pintar di Malaysia dan sejauh mana program ini mencapai objektif penubuhan PERMATA.
88. PR-1352-L01477
Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Bin Salleh [Kalabakan] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-
- (a) adakah Kementerian mempunyai maklumat mengenai daging-daging import dari luar negara yang dianggap tidak halal; dan
 - (b) jika ada sila terangkan

89. PR-1352-L01840
Dato' Fauzi Bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sama ada Kementerian bersedia mengharamkan pengeksporan logam bauksit sehingga kaedah perlombongan serta "SOP" nya disediakan oleh pihak yang berwajib. Adakah Kementerian sedar bahawa negara kerugian hasil disebabkan perlombongan bauksit ini dilakukan secara haram.
90. PR-1352-L02313
Tuan Khalid Bin Abd Samad [Shah Alam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah kes buli di institusi pendidikan dari tahun 2009 hingga 2017 dan apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi mengatasi kes buli ini.
91. PR-1352-L02548
Tuan Nik Mohamad Abduh Bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah graduan perubatan yang masih belum mendapat penempatan sehingga kini dan menjelaskan prosedur tersebut.
92. PR-1352-L02736
Dato' Dr. Mujahid Bin Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan usaha membendung penularan fahaman ekstrim yang subur untuk tindakan keganasan.
93. PR-1352-L01781
Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran Bin Abdul Hamid (B) [Lumut] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan adakah Kerajaan akan menghentikan Projek Tambak Pantai Teluk Muroh yang menyebabkan bau busuk dan tiada penyelesaian penduduk setempat.
94. PR-1352-L02206
Tuan Ahmad Marzuk Bin Shaary [Bachok] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan pendirian terbaru Kerajaan berkaitan isu hidangan arak dalam pesawat MAS. Adakah Kerajaan boleh bersetuju dengan cadangan supaya pengharaman arak secara berperingkat dapat dilaksanakan.

95. PR-1352-L02326

Dato' Haji Mahfuz Bin Haji Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) apakah kelayakan Paul Kear sebagai Ketua Jabatan Kejuruteraan dan Penyelenggaraan Penerbangan Malaysia MAS; dan
- (b) adakah Jabatan Penerbangan Awam mengiktirafan Paul Kear sebagai Ketua Jabatan Kejuruteraan dan Penyelenggaraan MAS

96. PR-1352-L01990

Tuan Liew Chin Tong [Kluang] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sama ada Kerajaan bersetuju atau tidak bersetuju secara prinsip mengenai penebusgunaan 2,000 ekar hutan paya gambut Hutan Simpan Kekal Sungai Pulai oleh projek Forest City untuk pembinaan lapangan golf, bangunan komersial dan kondominium/ vila mewah, dan adakah Kerajaan bersedia untuk menghadapi pembatalan Hutan Simpan Sungai Pulai dari pengiktirafan antarabangsa Ramsar Convention akibat penebusgunaan tersebut.

97. PR-1352-L02267

Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid Bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan komitmen menggubal dasar dan undang-undang khusus untuk menghapuskan atau paling tidak, meminimumkan kejadian intimidasi, gangguan dan buli dalam segala aspek, jenis dan bentuk berikutan berleluasanya insiden buli bersifat fizikal mutakhir ini sehingga meragut nyawa.

98. PR-1352-L02460

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian sedar mengemaskini maklumat kad pengenalan (IC) kini hanya dilakukan dalam sistem dan tidak diperlukan untuk kad pengenalan ditukar sama sekali. Sejak bila kaedah pengemaskinian baru ini bermula.

99. PR-1352-L02049

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status pelarian di Sabah seperti jumlah dan negara asal. Apakah tindakan Kerajaan dalam menyelesaikan isu pelarian yang masih tinggal di Sabah walaupun peperangan telah lama tamat.

100. PR-1352-L02400

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan mengenai tekanan diplomatik yang sedang dihadapi oleh negara Qatar.

101. PR-1352-L01924

Dato' Kamarul Baharin Bin Abbas [Telok Kemang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) secara terperinci mekanisme mengawasi syarikat-syarikat yang menjalankan perniagaan digital atau dalam talian ; dan
- (b) usaha-usaha untuk mengutip cukai daripada syarikat-syarikat seumpama ini

102. PR-1352-L02360

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha baru yang dilakukan oleh kerajaan bagi mendaftar 3 juta rakyat yang layak mengundi tetapi masih belum mendaftar sebagai pengundi. Adakah kerajaan akan mempertimbangkan pendaftaran automatik untuk semua warga negara yang mencapai umur kelayakan..

103. PR-1352-L02428

Puan Hajah Fuziah Binti Salleh [Kuantan] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan perkembangan penubuhan Kumpulan Keselamatan Nelayan (KUKENAL) yang ditubuhkan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan program yang dilaksanakan di bawah KUKENAL.

104. PR-1352-L01972

Tuan Sivarasa A/I K. Rasiah [Subang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kementerian akan meminda undang-undang sedia ada atau membuat dasar pruden berkaitan pengambilan deposit supaya tidak dieksploitasi oleh pengendali-pengendali haram permainan wang (illegal money-game operators).

105. PR-1352-L02338

Dr. Hajah Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah Kementerian pernah melakukan penyiasatan ke atas universiti swasta dan Pusat Bahasa Inggeris yang bersabit mahasiswa asing yang salah guna visa pelajar untuk bekerja.

106. PR-1352-L02607

Puan Hajah Siti Zailah Binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah pelaksanaan projek-projek pembesaran dan baik pulih jalan dalam Parlimen Rantau Panjang sejak 2013 hingga kini.

107. PR-1352-L01732

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan lanjut yang akan diambil oleh Kerajaan Persekutuan ekoran pembentangan laporan Jawatankuasa Hak-hak Sabah yang dibentangkan oleh Kerajaan Negeri Sabah.

108. PR-1352-L02766

Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kompaun yang dikenakan oleh Bank Negara kepada syarikat 1MDB di atas kegagalan mematuhi Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 untuk membawa pulang wang yang diremitkan di luar negara.

109. PR-1352-L(5)00002

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan keuntungan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) sejak tahun 2013 hingga kini mengikut tahun. Senarai program masyarakat yang menggunakan keuntungan 1MDB berserta kos bagi setiap program itu.

[Pertanyaan di bawah PM.22(5)]

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. **Menteri Dalam Negeri**

- * Rang Undang-Undang Pencegahan Jenayah (Pindaan) 2017

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

- | | | | |
|----|---|---|-----------------------------------|
| 1. | (D.R.10/2017) | Rang Undang-Undang Keganasan Rumah
Tangga (Pindaan) 2017 | Bacaan Kali
Yang Kedua |
| | | [Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga
Dan Masyarakat] | |
| 2. | (D.R.15/2017) | Rang Undang-Undang Pengangkutan
Awam Darat (Pindaan) 2017 | “ |
| | | [Menteri di Jabatan Perdana Menteri] | |
| 3. | (D.R.16/2017) | Rang Undang-Undang Lembaga Pelesenan
Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 2017 | “ |
| | | [Menteri di Jabatan Perdana Menteri] | |
| 4. | (D.R.7/2017) | Rang Undang-Undang Agensi Pekerjaan
Swasta (Pindaan) 2017 | “ |
| | | [Menteri Sumber Manusia] | |
| 5. | (D.R. 13/2017) | Rang Undang-Undang Agensi Kawalan
Sempadan Malaysia 2017 | “ |
| | | [Menteri Dalam Negeri] | |
| 6. | (D.R.20/2016) | Rang Undang-Undang Membaharui
Undang-Undang (Perkahwinan dan
Penceraian) (Pindaan) 2016 | “ |
| | | [Menteri di Jabatan Perdana Menteri] | |
| 7. | Menteri Kewangan akan mencadangkan :- | | |
| | "Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 11(1) dan subseksyen 11(2), Akta Kastam 1967 supaya Perintah Duti Kastam yang dibentangkan di hadapan majlis ini sebagai kertas statut, bilangan ST.43/2017, ST.44/2017, ST.48/2017, ST.49/2017 dan ST.50/2017 disahkan." | | |

8. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 6(1), Akta Eksais 1976 supaya Perintah Duti Eksais yang dibentangkan di hadapan majlis ini sebagai kertas statut, bilangan ST.45/2017, ST.46/2017 dan ST.47/2017 disahkan."

9. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 17(5) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 supaya Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bilangan ST.42/2017 disahkan."

10. PR-1352-U(27)038

Dato' Seri Haji Abdul Hadi Bin Awang [Marang] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberikan kebenaran menurut Peraturan Mesyuarat 49 (1) kepada Yang Berhormat Ahli bagi kawasan Marang untuk mencadangkan suatu Rang Undang-undang Ahli Persendirian bernama Rang Undang-undang Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 2016 seperti berikut:

Pindaan Seksyen 2

Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 [Akta 355] dipinda dalam proviso kepada seksyen 2 dengan menggantikan perkataan "**penjara selama tempoh melebihi tiga tahun atau denda melebihi lima ribu ringgit atau sebatan melebihi enam kali**" dengan perkataan "**penjara selama tempoh melebihi tiga puluh tahun atau denda melebihi satu ratus ribu ringgit atau sebatan satu ratus kali sebagaimana ditadbir selaras dengan tatacara jenayah Syariah.**"

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

11. PR-1352-U(27)039

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan akan mencadangkan supaya Kerajaan mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 60 tahun lalu supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan antara satu sama lain dan memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasikan Impian Malaysia."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

12. PR-1352-U(27)040
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan akan mencadangkan supaya Kerajaan memulihkan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan seluruh negara supaya urus tadbir Kerajaan menjadi lebih cekap, akauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

[Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

13. PR-1352-U(27)041
Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia memberikan semua rakyatnya kebebasan beragama. Dan mengambil maklum juga bahawa Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan Malaysia menjamin kesamarataan hak untuk warganya bagi menjalani kehidupan harian mereka. Dan mengambil maklum juga bahawa, Malaysia sebagai negara peneraju gerakan kesederhanaan global dibawah pimpinan YAB Perdana Menteri Malaysia, telah berjaya memahat nama di persada antarabangsa dimana Malaysia menjadi model penerimaan kepelbagaian agama dan kaum sebagai sumber kekuatannya. Dan mengambil maklum juga bahawa, konsep penerimaan kepelbagaian agama dan bangsa melalui Gagasan 1Malaysia adalah model yang terbaik dalam mewujudkan keharmonian, kemakmuran dan perpaduan kaum dan agama di negara ini. Dan mengambil maklum juga bahawa, sejak akhir-akhir ini, perpaduan, keharmonian serta toleransi kaum dan agama semakin terhakis memandangkan terdapat segelintir rakyat yang tidak lagi peka kepada kepentingan untuk mengekalkan perpaduan, keharmonian serta toleransi kaum dan agama semata-mata untuk kepentingan politik atau kepentingan individu mereka. Dan mengambil maklum juga bahawa, insiden-insiden yang boleh menyebabkan keruntuhan perpaduan, keharmonian serta toleransi kaum dan agama di negara ini kian menular dan yang terkini adalah dimana Azril Mohd Amin telah dengan lantang menggesa Kerajaan untuk mengharamkan "Christian Evangelicalism" dengan tanpa mengambil kira apa yang termaktub dalam Perkara 11 Perlembagaan Malaysia. Maka, bagi menangani perkara-perkara yang boleh mengganggu-gugat perpaduan, keharmonian serta toleransi kaum dan agama yang negara ini kecapi oleh negara sekian lama, maka Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa, pihak Kerajaan hendaklah dengan segera mengambil tindakan undang-undang ke atas mereka yang bertanggungjawab agar tidak menjadi teladan di masa akan datang demi untuk kepentingan negara."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

14. PR-1352-U(27)042

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa, tahap penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan murid dan graduan dinegara ini adalah pada tahap yang amat minima dan keadaan ini telah menjadikan sumber tenaga manusia negara ini kurang berdaya saing di luar negara. Dan mengambil maklum juga bahawa, kebanyakan bahan-bahan rujukan untuk pengajian yang terdapat diatas talian dan buku-buku rujukan adalah dalam Bahasa Inggeris. Mengambil maklum juga bahawa oleh kerana tidak dapat bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris dengan baik, sumber tenaga manusia dan para graduan dari negara Malaysia tidak berpeluang untuk berkerja dan bersaing di peringkat global.

Dan mengambil maklum juga bahawa sumber tenaga manusia daripada negara-negara yang membenarkan penggunaan Bahasa Inggeris dalam sistem pembelajaran mereka, misalnya negara Filipina, adalah lebih mendapat pasaran tenaga kerja di peringkat antarabangsa. Mengambil maklum juga bahawa Sekolah Menengah La Salle Tanjung Aru Sabah telah menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar sejak penubuhannya pada tahun 1903 sehinggahlah dimansuhkan pada lewat tahun 1970an. Maka, bagi menangani masalah ini, Dewan yang mulia ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa Kerajaan haruslah dengan segera meluluskan penubuhan sekolah menengah aliran Bahasa Inggeris, sekurang-kurangnya satu sekolah menengah disetiap kawasan Parlimen sebagai permulaan dan bagi kawasan Parlimen P.173 Putatan, Sekolah Menengah La Salle Tanjung Aru sebagai perintis."

[Menteri Pendidikan]

15. PR-1352-U(27)043

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa, masalah setinggan dibandar adalah masalah yang saban hari saban meningkat kerana migrasi dari luar bandar ke bandar, terutama sekali untuk tujuan mencari pekerjaan. Dewan ini hendaklah juga mengambil maklum bahawa migran ekonomi yang berpindah daripada luar bandar ke bandar ini adalah dari golongan yang kurang berkemampuan / berpendapatan rendah dan mereka tidak mampu untuk membeli atau memiliki rumah-rumah yang dibina oleh pihak pemaju atau prima yang ada pada ketika ini, dimana kebanyakan mereka ini hanya mampu untuk membayar kadar sewaan dibawah RM350.00 sebulan. Dan mengambil maklum juga bahawa, matlamat Kerajaan mensasarkan sifar setinggan terutama sekali dikawasan bandar adalah agak sukar untuk dicapai selagi masalah perumahan bagi migran yang dimaksudkan diatas tidak ditangani secara tuntas, Dan mengambil maklum juga bahawa, Program Perumahan Pakyat (PPR) yang dahulunya untuk sewaan tanpa had masa dilihat sebagai satu langkah alternatif bagi mengatasi masalah setinggan dibandar dan sekaligus memberikan kumpulan sasar untuk menduduki rumah yang agak selesa.

Tetapi malangnya, status PPR tersebut telah dipinda kepada status rumah transit untuk pendudukan untuk tempoh tidak melebihi lima (5) tahun. Dan mengambil maklum juga bahawa Program Perumahan Pakyat atau PPR yang ada sekarang ini merupakan sumber alternatif bagi mengatasi masalah setinggan dibandar dimana rumah-rumah PPR ini diubah syarat daripada sewaan kepada sewa beli bagi membolehkan mereka yang dimaksudkan diatas untuk akhirnya memiliki rumah mereka sendiri. Maka, bagi menangani masalah setinggan bandar dan kekurangan perumahan untuk golongan kurang mampu, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa Kerajaan hendaklah meminda syarat pendudukan rumah PPR diseluruh negara daripada syarat sewaan bulanan kepada syarat sewa-beli."

[Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

16. PR-1352-U(27)044

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Chinese Independent School di Malaysia menjalankan taksiran peperiksaan persekolahan mereka melalui sijil yang dikenali sebagai Unified Examination Certificate (UEC) yang mana dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu Unified Examination Certificate -Junior Middle (UEC-JM), Unified Examination Certificate Vocational (UEC-V) dan Unified Examination Certificate Senior Middle (UEC-SML). Dan mengambil maklum juga bahawa, persijilan UEC telah pun diguna pakai dalam persekolahan oleh United Chinese School Committees Association Of Malaysia sejak ianya diperkenalkan pada tahun 1975. Dan mengambil maklum juga bahawa sijil UEC yang diperkenalkan oleh UCSCAM ini telah diiktiraf oleh universiti diserata negara seperti di United Kingdom, United States of America, Taiwan, Hong Kong, China, Australia, Canada, Singapore dan lain-lain negara. Dan mengambil maklum juga bahawa malangnya, Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia atau secara khususnya, Lembaga Akreditasi Negara tidak mengiktiraf sijil UEC ini terutama sekali bagi kemasukkan ke universiti awam Malaysia, walaupun National University Of Singapore yang berkedudukan tempat keempat universiti terbaik di dunia mengiktiraf sijil UEC ini. Dan mengambil maklum juga bahawa dengan ketiadaan pengiktirafan yang dimaksudkan diatas, negara Malaysia secara tidak langsung mengalami kerugian yang besar dimana pemegang sijil UEC ini terpaksa meneruskan pendidikan tinggi mereka di luar negara dimana aliran wang keluar daripada negara ini dan juga kecenderungan lepasan sijil UEC ini untuk terus berkerja di luar negara adalah tinggi, di mana dalam hal ini negara Malaysia akan kerugian "aliran keluar" tenaga mahir ke luar negara. Maka, bagi menangani masalah ini, dewan yang mulia ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa Kerajaan haruslah dengan segera mengiktiraf Sijil Unified Examination Certificate bagi manfaat negara."

[Menteri Pendidikan]

17. PR-1352-U(27)045

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa kesan pemanasan global dan perubahan cuaca kini menjadi topik perbualan harian diseluruh pelusuk dunia dimana ianya bukan lagi satu fenomena tetapi telah menjadi realiti yang mana setiap warga dunia mempunyai tanggungjawab untuk sama-sama melaksanakan langkah-langkah mitigasi bagi mengurangkan impaknya keatas kehidupan manusia. Dan mengambil maklum juga bahawa salah satu penyebab utama kedua-dua masalah diatas adalah akibat daripada kesan penebangan pokok-pokok disebabkan aktiviti ekonomi seperti pembukaan ladang dan sebagainya. Dan mengambil maklum juga bahawa pihak berkuasa tempatan berperanan untuk mengambil bahagian dalam usaha untuk langkah mitigasi bagi mengatasi kedua-dua masalah diatas walaupun dalam bentuk kecil, dengan menanam lebih banyak pokok-pokok diseluruh kawasan seliaan mereka. Maka, bagi menangani masalah ini, Dewan yang mulia ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa Kerajaan Malaysia hendaklah meminta pihak berkuasa tempatan untuk segera menanam lebih banyak pokok-pokok dikawasan dibawah seliaan mereka disamping memperbanyakkan kempen menanam pokok untuk menyemai budaya menanam pokok di kalangan rakyat setempat."

[Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

18. PR-1352-U(27)046

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] akan mencadangkan :-

"Dewan ini mengambil maklum bahawa Kabinet Malaysia pada 19 Mac 2011 telah bersetuju untuk menjadikan Malaysia ahli Mahkamah Jenayah Antarabangsa Statut Rom "Rome Statute of the International Court (ICC)" Namun, sebarang tindakan kesertaan tidak dilakukan sehingga kini. Diharapkan Dewan ini akan mengambil keputusan dengan mengarahkan Kementerian Luar Negeri dan Peguam Negara untuk menfaillkan kertas kerja yang diperlukan tanpa melengahkan masa lagi."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

19. PR-1352-U(27)047

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini membahaskan keadaan bon Kerajaan Malaysia."

[Menteri Kewangan]

20. PR-1352-U(27)048

Tuan Liew Chin Tong [Kluang] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini menggesa bahawa Laporan penuh Jawatankuasa Siasatan Bebas mengenai kejadian kebakaran Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru pada 25 Oktober 2016 hendaklah diumumkan untuk makluman dan pengetahuan rakyat tentang punca-punca berlakunya kebakaran tersebut. Kerajaan juga didesak untuk menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk mencegah dan mengelakkan tragedi kebakaran berulang lagi di mana-mana hospital atau pusat perubatan."

[Menteri Kesihatan]

21. PR-1352-U(27)049

Tuan Liew Chin Tong [Kluang] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan menetapkan sebarang pembelian aset atau sistem pertahanan yang melebihi 100 juta oleh Kementerian Pertahanan, mesti dibawa ke Parlimen dibahas dan diaudit oleh Jabatan Audit Negara supaya untuk syarat meneruskan pembelian ini. Ini juga bertujuan untuk mempertingkatkan integriti dan keberkesanan pembelian sistem pertahanan. Ini adalah diakibatkan oleh pembelian Kapal Selam Scorpene telah menimbulkan banyak persepsi negatif terhadap negara."

[Menteri Pertahanan]

22. PR-1352-U(27)050

Tuan Liew Chin Tong [Kluang] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini bersetuju mengurangkan peruntukan untuk JPM dan menyalurkan kepada peruntukan bagi hal ehwal pendidikan, pengangkutan awam, kesihatan dan kebajikan rakyat. Peruntukan untuk Jabatan Perdana Menteri telah dihadkan tahapnya pada tahun 2008 iaitu masing-masing sebanyak RM3.4 bilion bagi peruntukan pengurusan dan RM3.5 bilion untuk pembangunan. Ini membawa kepada jumlah keseluruhan sebanyak RM6.9 bilion. Berbanding 2017, anggaran peruntukan pengurusan dan pembangunan telah melepasi tahap ditetapkan pada 2008 tersebut iaitu masing-masing sebanyak RM4.92 bilion dan RM11.02 bilion yang membawa kepada jumlah keseluruhan RM15.94 bilion."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

23. PR-1352-U(27)051

Tuan Liew Chin Tong [Kluang] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memuatkan semua Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab, Jawapan-Jawapan Pertanyaan Bertulis, serta Undi-Undi dan Perjalanan Mesyuarat (Votes and Proceedings) bagi Dewan Rakyat dan Dewan Negara ke dalam portal rasmi Parlimen Malaysia untuk memastikan ketelusan Parlimen."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

24. PR-1352-U(27)052

Dato' Johari Bin Abdul [Sungai Petani] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan menyedari Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) baru-baru mengeluarkan kenyataan bahawa "ketupat segera" yang dimasak di dalam plastik yang popular sebagai hidangan Hari Raya atau oleh penjual-penjual satay boleh mengakibatkan kemandulan dan kanser. Ini kerana beg plastik yang mengandungi bahan polietilena berketumpatan tinggi (HDPE) digunakan untuk merebus ketupat dalam masa yang lama akan merembeskan bahan kimia beracun lain iaitu organik mudah terpeluwap (VOC) yang membawa kesan buruk kepada kesihatan manusia dan alam sekitar. Kementerian Kesihatan mesti mengambil tindakan segera menyiasat dan mengambil tindakan bagi menasihati pengguna dengan kadar segera. "

[Menteri Kesihatan]

25. PR-1352-U(27)055

Dato' Johari Bin Abdul [Sungai Petani] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan menyedari masyarakat umum berpendapat terdapat kecelaruan Kementerian Dalam Negeri mentadbir dan mengendalikan pendaftaran pekerja dan pendatang asing di negara ini. Adalah dicadangkan setiap warga asing yang menetap di negara ini sama ada sebagai pekerja, pelajar, pengajar, atau investors jika tinggal lebih lama dari satu masa yang layak seperti yang diberikan dalam visa, mereka mestilah memohon Kad Izin Tinggal Terbatas (KITT). Di dalam kad ini akan tersimpan nama, negara asal pemegang kad, tempuh tinggal yang dibenarkan, no. passport, nama majikan, alamat dan no. telefon majikan, maklumat kesihatan dan lain-lain . KITT ini, seperti Mycard, diwarna dengan berbagai warna bagi memisahkan kategori mereka. Dengan mempunyai KITT ini, mereka tidak perlu lagi membawa passport mereka. Juga amat mudah bagi pihak berkuasa mengesan mereka jika mereka tidak berada di tempat yang diluluskan untuk bekerja, atau mereka menghilangkan diri dari majikan mereka "

[Menteri Dalam Negeri]

26. PR-1352-U(27)057
Tuan Nga Kor Ming [Taiping] akan mencadangkan :-

"Bahawasanya Dewan yang mulia ini meluluskan satu ketetapan supaya YAB Perdana Menteri dan seluruh anggota Menteri Kabinet mengisytiharkan harta dan aset mereka kepada Dewan Rakyat tiap-tiap tahun pada bulan Disember."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

27. PR-1352-U(27)059
Tuan Nga Kor Ming [Taiping] akan mencadangkan :-

"Bahawasanya Dewan yang mulia ini meluluskan satu ketetapan selaras dengan titah Majlis Raja-Raja Melayu di mana Akta Majlis Keselamatan Negara 2016 dibentang dan dikaji semula di Dewan Rakyat dengan kadar segera."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

28. PR-1352-U(27)060
Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] akan mencadangkan :-

"Dewan ini mengambil maklum bahawa cukai pelancongan perlu dimansuhkan memandangkan industri pelancongan terutama pengusaha hotel tempatan bakal berhadapan dengan risiko kemerosotan jumlah pelancong dan seterusnya akan menjejaskan peluang pekerjaan. Dewan yang mulia ini hendaklah mengambil maklum bahawa pengenalan cukai ini juga berisiko melembapkan aktiviti ekonomi dan menjejaskan pendapatan rakyat yang terlibat secara langsung dengan industri pelancongan."

[Menteri Pelancongan Dan Kebudayaan]

29. PR-1352-U(27)061
Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] akan mencadangkan :-

"Dewan ini mengambil maklum bahawa banyak pengusaha teksi persendirian mahu pun berdaftar di bawah syarikat swasta menghadapi kesukaran dan ada yang terpaksa menutup operasi mereka. Salah satu punca permasalahan ini adalah dengan kewujudan Uber dan GrabCar yang jauh lebih efisien daripada operasi mereka melalui penggunaan teknologi aplikasi dengan menggunakan telefon pintar. Maka dengan menyedari hakikat ini, Dewan yang mulia ini hendaklah membahaskan langkah-langkah strategik bagi menyelamatkan pengusaha teksi yang ada dalam menghadapi persaingan daripada Uber dan GrabCar ini."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

30. PR-1352-U(27)063

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan menggesa Kerajaan untuk menghentikan pembinaan pusat penyembelihan ayam di pasar borong Selayang sehingga kajian kesesakan lalu lintas dan alam sekitar dapat dilakukan."

[Menteri Wilayah Persekutuan]

31. PR-1352-U(27)065

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu] akan mencadangkan :-

"Bahawa Malaysia untuk membawa isu ketegangan Saudi dan Qatar ke OIC dan mewujudkan satu mekanisme pendamaian."

[Menteri Luar Negeri]

32. PR-1352-U(27)067

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mempertimbangkan cadangan untuk menghalang dan mengharamkan penjualan arak murahan (cheap liquor) secara mudah dan murah yang semakin berleluasa. Gegaja pengambilan arak murahan ini menimbulkan pelbagai masalah sosial seperti keganasan rumah tangga dan gengsterisme serta merosakkan organ dalaman. Di samping itu, kawalan dan penyeliaan terhadap kedai - kedai menjual arak perlu diketatkan. Masa penjualan arak dan lokasi minum arak perlu dikaji. Kawasan tempat awam seperti di taman awam dan taman permainan kanak-kanak, minum arak wajib diharamkan. Dewan ini juga wajib mempertimbangkan penubuhan Pusat Pemulihan Arak (PPA) di setiap negeri di Malaysia untuk membendung masalah minum arak yang semakin berleluasa di kalangan anak muda merentasi sempadan bangsa dan agama. "

[Menteri Kewangan]

33. PR-1352-U(27)068

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mempertimbangkan cadangan untuk kes kematian di bawah tahanan Polis DiRaja Malaysia, keluarga simati diberi kebenaran sepenuhnya untuk memperoleh Pakar Perubatan Forensik sendiri bagi mewakili pihak keluarga simati semasa bedah siasat dijalankan."

[Menteri Dalam Negeri]

34. PR-1352-U(27)069

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pendidikan agama diperkenalkan di sekolah kepada pelajar bukan Islam sebagai langkah untuk menerapkan nilai - nilai murni dan keagamaan di kalangan pelajar bukan Islam bagi menangani gejala sosial yang kian meningkat dan berleluasa akibat daripada kegagalan sistem pendidikan di Malaysia."

[Menteri Pendidikan]

****UCAPAN-UCAPAN**
(PERATURAN MESYUARAT 17 BAHARU)
(KAMAR KHAS)

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 24.7.2017 (Isnin)	1. YB Dato' Dr. Noraini Binti Ahmad (Parit Sulong)	1. Isu Kesyakan Lalu Lintas Di Jambatan Batu Pahat	1. YB Menteri Kerja Raya
2. 24.7.2017 (Isnin)	2. YB Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka)	2. Laporan Polis Tg Minyak/006757/16 Pada 14/12/2016 Kes Penipuan Pajakan Tanah	2. YB Menteri Dalam Negeri

**** Ucapan-ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17 Baharu)**